




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian**

**5 MAC 2018 HINGGA 5 APRIL 2018
SOALAN NO. 201 HINGGA 300**



RT17/201

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a)mengapa Malaysia perlu membeli buku teks Bahasa Inggeris dari luar negara ; dan
- (b)mengapa pakar-pakar dalam negara tidak dapat menghasilkan buku teks Bahasa Inggeris untuk kegunaan di sekolah-sekolah di negara ini .

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) dan (b)

Pada peringkat permulaan pelaksanaan *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*, belum ada buku teks Bahasa Inggeris terbitan tempatan yang sejajar *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) di pasaran tempatan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia memilih buku-buku terbitan luar negara yang telah dikenal pasti sejajar CEFR.

RT17/201